



SIARAN MEDIA

KPKT MENERUSKAN KOMITMEN BANTUAN PASCA BANJIR DENGAN OPERASI MEGA PEMBERSIHAN PASCA BANJIR DI JOHOR

MUAR, 16 Januari 2022 – YB Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meneruskan komitmen KPKT dalam melaksanakan operasi kerja-kerja pembersihan pasca banjir di Negeri Johor. Beliau bersama 400 sukarelawan daripada KPKT dan agensi telah memulakan operasi Mega Pembersihan Pasca Banjir di Kampung Baru Lenga, Muar pada pagi ini.

Kerja-kerja operasi pembersihan pasca banjir di negeri Johor telah **mula dilaksanakan pada 6 Januari 2022 (Khamis)**. Secara keseluruhan, sehingga 15 Januari 2022 (Sabtu), sejumlah **275.63 tan sisa banjir** telah berjaya dibersihkan di negeri Johor dengan peratus selesai pembersihan sebanyak **90%**.

Manakala, jumlah sisa banjir yang dibersihkan di negeri Johor pada 15 Januari 2022 (Sabtu) adalah sebanyak **18.31 tan** dengan penggunaan **24 jentera** dan **215 pekerja**.

Menurut YB Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, “Kerja-kerja operasi pembersihan pasca banjir di Kampung Baru Lenga, Muar, Johor telah mula dilaksanakan pada **10 Januari 2022 (Isnin)**”. Tambah beliau, bagi program Mega Pembersihan Pasca Banjir di Kampung Baru Lenga ini sebanyak **43 jentera** seperti roro, back hoe, ultra whack, water jet dan water tank telah digunakan.

Bermula 19 Disember 2021, KPKT bersama Agensi di bawahnya seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Perbadanan PR1MA Malaysia, dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah giat menjalankan kerja-kerja operasi pembersihan di semua kawasan yang terjejas akibat bencana banjir. Syarikat-syarikat konsesi di bawah seliaan SWCorp turut giat dalam kerja-kerja pembersihan pasca banjir seperti SWM Environment Sdn Bhd, Alam Flora Sdn Bhd dan E-Idaman Sdn. Bhd.

Secara keseluruhan, sehingga 15 Januari 2022 (Sabtu), sejumlah **85,134 tan sisa banjir** telah berjaya dibersihkan di enam buah negeri iaitu Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor dan Selangor dengan melibatkan **1,037** buah jentera keseluruhannya.

Peratus selesai pembersihan pada 15 Januari 2022 (Sabtu) adalah sebanyak **98.17%**. Jumlah sisa banjir yang dibersihkan pada 15 Januari 2022 (Sabtu) adalah sebanyak **438 tan** dengan penggunaan **112 jentera** dan **354 pekerja**.

Sehingga kini KPKT telah memperuntukkan sebanyak **RM117.5 juta** bagi pecahan seperti berikut:

- i) Pembaikan dan pemulihan fasiliti awam : **RM50 juta** melalui PBT;
- ii) Inisiatif Rumah Kasih Keluarga Malaysia : **RM50 juta** bagi bina baru dan baik pulih rumah terkesan banjir;
- iii) Bantuan Bakul Bencana : **RM5 juta** oleh PRIMA berupa makanan dan barangan keperluan; dan
- iv) Kerja-kerja pembersihan sisa banjir : **RM12.5 juta**.

Kementerian terus menyeru orang ramai agar lebih peka dan berwaspada dalam memastikan keselamatan diri dan keluarga menjelang ramalan gelombang kedua banjir. Orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi talian kecemasan *Nasional Disaster Command Centre* (NDCC) di 03-8064 2400 sekiranya memerlukan bantuan kecemasan dan juga balai-balai bomba berdekatan.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT

#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

